




# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**2 OGOS 2024 (JUMAAT)**

## Buffalo Farming In Lawas Has Potential For Growth, Says Mohamad Sabu

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
I Love Borneo	Sarawak	Online	1 Ogos



Mohamad (left) during a courtesy call to Abang Johari today. – Bernama photo

KUCHING (Aug 1): The Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) will visit a buffalo farm in Meragang, Lawas, in northern Sarawak as part of the Malaysia Agriculture, Horticulture, and Agrotourism Exhibition (MAHA) 2024, taking place from Aug 8 to 11.

Its minister, Datuk Seri Mohamad Sabu, said the ministry aims to assess the potential of buffalo farming in the area and to assist in improving buffalo farming and milk production.

“With collaboration with universities, we (the ministry) will look into additional support to expand buffalo farming in Meragang.

“Currently, buffalo milk production in Meragang is around 15 litres per animal from approximately 300 buffaloes. After visiting the Lawas area, we will proceed to Miri for the opening of the Mini MAHA Carnival, to promote MAHA 2024,” he said after paying a courtesy call to Sarawak Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg at Wisma Bapa

Malaysia here today.

“During my courtesy call, the Premier personally agreed to attend the large-scale MAHA 2024,” he said, adding that Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim will also be attending the opening ceremony of MAHA 2024 at the Malaysian Agricultural Expo Park Serdang (MAEPS) from Sept 11 to 22.

MAHA 2024 will feature 150 participating companies from around the world, showcasing a variety of products and services, he added. – [BERNAMA](#)

Ternakan Kerbau Di Lawas Berpotensi Untuk Dipertingkatkan:  
Mohamad Sabu

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
Utusan Borneo Online	Local	Online	1 Ogos



Abang Johari (kanan) menerima kunjungan hormat Mohamad di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, hari ini.- Gambar BERNAMA

KUCHING: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan lawatan ke ladang ternakan kerbau di Meragang, Lawas, di bahagian utara Sarawak sempena Jelajah Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 pada 8 hingga 11 Ogos ini.

Menteri berkenaan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata kementerian mahu melihat potensi ternakan kerbau di kawasan itu serta bagaimana untuk membantu dalam

meningkatkan penternakan kerbau dan pengeluaran tenusunya.

“Melalui kerjasama dengan pihak universiti, kami (kementerian) akan melihat dari segi sokongan yang lain supaya ternakan kerbau di Meragang dapat diperbesarkan lagi.

“Selepas lawatan di kawasan Lawas, kita akan beralih ke Miri untuk perasmian Karnival Mini MAHA di samping mempromosikan MAHA 2024,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini hari ini.

Mohamad berkata MAHA 2024 dijadualkan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada 11 hingga 22 depan dan majlis perasmiannya akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Abang Johari.

“Semasa kunjungan hormat tadi, Premier secara peribadi telah bersetuju untuk menghadiri MAHA 2024 yang akan dianjurkan secara besar-besaran itu,” katanya.

Beliau dilaporkan berkata MAHA 2024 menyasarkan sebanyak 150 penyertaan syarikat-syarikat dari seluruh dunia yang menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan. - [BERNAMA](#)

Cadang Stesen Kerbau Meragang Diperbesar, Jadi Kawasan Penternakan Nasional – Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Nasional	Online	1 Ogos



*Datuk Seri Mohamad Sabu mengetuai delegasi Kementerian Pertanian, dan Kerjamaan Makanan mengadakan kunjungan hormat kepada Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia, di sini, hari ini. Foto Nadim Bokhari (TVS)*

KUCHING, 1 Ogos: Stesen Kerbau Meragang Lawas berpotensi sebagai kawasan penternakan kerbau contoh di peringkat nasional, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Menurut Mohamad Sabu, kementeriannya akan mengkaji keperluan bagi menyediakan sokongan tambahan untuk memperbesarkan kawasan stesen berkenaan.

“Di sana kita telah kerjasama

dengan beberapa universiti dan selepas ini kita akan melihat untuk memberi sokongan tambahan untuk memperbesarkan lagi kawasan kerbau di Meragang,” katanya.

Mohamad Sabu berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Patinggi Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini, hari ini.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali berkata, usaha lain adalah dengan membantu menambah jumlah kerbau sedia ada bagi meningkatkan pengeluaran susu.

“Pengeluaran setiap seekor kerbau dianggarkan adalah 15 liter susu. Di Meragang ada 300 ekor kerbau...Dengan itu kita akan cuba untuk membantu pembiakan kerbau tenusu ini bagi meningkatkan hasil pengeluarannya,” ujarnya.

Dalam pada itu, mengulas berhubung kunjungan hormat hari ini, Mohamad Sabu berkata ia bertujuan untuk menjemput Abang Johari untuk menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 pada 11 hingga 22 September 2024 di MAEPS, Serdang.

“Premier Sarawak menyatakan persetujuan untuk hadir dalam program yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Sempena penganjuran MAHA, kita akan mengadakan jelajah bermula 8 hingga 11 Ogos dari Brunei, seterusnya ke Lawas untuk melihat ternakan kerbau di Meragang.

“Kemudian kita akan melihat padi bukit dan diikuti program bersama nelayan di Miri,” katanya. – [TVS](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR